

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 12.09.2024 MASA: 5.30 PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

PROGRAM GOTONG-ROYONG MEGA 2024

TARIKH / MASA / TEMPAT

**14 SEPTEMBER 2024 (SABTU)
8.30 PAGI**

**PADANG TAMAN TERKUKUR
NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa

Yang Dihormati

En Bernard Cheen Goon Hoi

En Zainuddin Bin Mohamed

Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

En Muhamad Suzuki Bin Ahmad

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah sama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul dalam **Majlis Perasmian Program Gotong-Royong Mega 2024 di Daerah Seberang Perai Selatan di Taman Terkukur, Nibong Tebal.**
2. Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis, Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, warga kerja MBSP khususnya Wira Oren, pihak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk, pada penduduk setempat dan semua pihak yang terlibat atas komitmen yang tinggi dengan menghadiri Program Gotong-Royong Mega ini.
3. Dalam menawarkan perkhidmatan yang terbaik dan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat Seberang Perai, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan terus memberi tumpuan kepada *Back To Basic and Getting The Basic Right*, di mana kita kembali melihat hakiki tanggungjawab sebuah Pihak berkuasa Tempatan. Isu pembersihan, penguatkuasaan dan hasil adalah cabaran utama yang perlu dititikberatkan. Sekiranya ketiga-tiga cabaran ini dapat dilaksanakan dengan baik, ia akan membawa kepada "*Community Satisfaction*".

4. Disamping itu, MBSP akan terus berusaha untuk mencapai kesepakatan kumuniti dan keunggulan organisasi dengan kerjasama penuh daripada 4Ps iaitu *People*, *Private*, *Public* dan *Partnership* sepertimana yang dilaksanakan pada hari ini.
5. Program Gotong-Royong Mega 2024 pada hari ini akan dilaksanakan secara serentak di Taman Terkukur, Taman Cowin dan Taman Bestari. Ini merupakan usahasama di antara syarikat-syarikat kontraktor pembersihan, penduduk setempat termasuk pihak MPKK, Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk dan Wira Oren MBSP sendiri, dalam usaha melestarikan alam sekitar, mendidik masyarakat tentang kepentingan memelihara kebersihan persekitaran serta memberi kesedaran bahawa dengan program seumpama ini dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan penduduk setempat.
6. Program Gotong-Royong Mega 2024 telah julung kalinya diadakan pada 30 Jun 2024 yang lalu di dua (2) kawasan serentak iaitu di Taman Puteri Gunung dan Taman Seruling Emas, Seberang Perai Selatan.
7. Program Gotong-Royong Mega ini adalah salah satu inisiatif strategik MBSP melalui Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, MBSP dalam memantapkan pembersihan bandar khususnya di seluruh kawasan Seberang Perai. Berdasarkan statistik kutipan sampah sepanjang

Program Gotong-Royong Mega ini berlangsung, sebanyak **211.68 tan** sampah telah berjaya dikutip hasil daripada usaha semua pihak termasuk penduduk sendiri.

8. Dengan adanya Program Gotong-Royong Mega ini, akan menjadikan kawasan penduduk setempat menjadi lebih bersih dan sekaligus dapat mendidik masyarakat untuk lebih cakna tentang rasa tanggungjawab dalam memelihara kawasan persekitaran.
9. Melihatkan kejayaan Program-Program Gotong-Royong Mega ini, MBSP akan terus menganjurkan program ini di **48 buah lokasi** lagi di seluruh kawasan Seberang Perai sehingga penghujung tahun 2024, iaitu pada setiap hari Sabtu.
10. Program Gotong-Royong Mega ini bukan sekadar satu aktiviti, tetapi juga membuka ruang untuk memperbaiki dan memperkuuhkan komuniti secara keseluruhan, di samping dapat meningkatkan kualiti dan kebersihan persekitaran serta menambahbaik kemudahan infrastruktur di kawasan setempat.
11. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pihak urusetia dan semua pihak yang menjayakan program dan menjadikan kempen ini menjadi kenyataan.

12. Saya dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, merasmikan **Majlis Perasmian Program Gotong-Royong Mega 2024**.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.